

Keistimewaan dan Penggunaan Buku Teks Baharu

Bahasa Melayu Menengah Rendah
Satu
Mulai 2024



CIKGU WONG HOOI MUN
MUNSYI DEWAN
BAHASA (DBP)

Buku Teks Bahasa Melayu Menengah Rendah Satu

Keunikan Pertama

Ditulis berdasarkan

- Kurikulum Standard Bahasa Melayu Menengah Rendah diperkenalkan.

(Dahulu menggunakan Huraian Sukatan Pelajaran)

-tidak ada tema hanya ada unit

-setiap kemahiran tidak diperincikan kepada unit-unit yang lebih kecil



Objektif Kurikulum Bahasa Melayu Menengah Rendah Satu

Kurikulum Bahasa Melayu Menengah Rendah Satu bertujuan membolehkan pelajar mencapai objektif berikut:

1.0 Kemahiran Mendengar

- 1.1 Mendengar, **mengenal sebutan dan intonasi** kata, frasa, rangkai kata, istilah, ungkapan ayat tunggal, dan ayat majmuk, dalam pelbagai ujaran dengan betul dan tepat mengikut konteks;
- 1.2 Mendengar dan **nemahami maksud** kata, frasa, rangkai kata, istilah, ayat tunggal, ayat majmuk, dan ungkapan dengan betul dan tepat mengikut konteks;
- 1.3 Mendengar, **memahami dan memperoleh maklumat** fakta dan idea dalam pelbagai jenis ujaran dengan memberikan respons secara lisan dengan betul, tepat, dan bermakna;
- 1.4 Mendengar dan **mencatat nota** dengan isi dan fakta dengan betul dan tepat.

2.0 Kemahiran Bertutur

- 2.1 **Berbual tentang kegiatan harian** dengan menggunakan sebutan dan intonasi yang betul secara santun dan bertatasusila;
- 2.2 **Mengemukakan soalan dan jawapan** yang sesuai dan tepat dalam perbualan secara bertatasusila;
- 2.3 **Menyampaikan pendapat** dalam bentuk, isi, fakta, dan maklumat dengan menggunakan ayat yang gramatis dan bertatasusila;
- 2.4 **Berbincang dan berunding** untuk mencapai sesuatu persetujuan secara rasional dan bertatasusila;
- 2.5 **Bertutur mengikut situasi** yang diberi secara bertatasusila;
- 2.6 **Menerangkan sesuatu** secara jelas, tepat, dan bernas;
- 2.7 **Berbual tentang sesuatu isu** dengan menggunakan sebutan yang betul dalam situasi formal dan tidak formal secara bertatasusila.

➤ **disusun mengikut
aras pengetahuan
sedia ada pelajar**

3.0 Kemahiran Membaca

- 3.1 **Membaca** rencana, petikan, bahan rangsangan dan karya sastera **secara mekanis** dengan sebutan dan intonasi yang betul;
- 3.2 Membaca untuk **memahami makna** perkataan, maksud ayat, maklumat daripada arahan dan idea keseluruhan dengan betul;
- 3.3 Membaca dan **memahami maklumat** dalam petikan atau **bahan grafik** dengan betul, tepat dan bernas;
- 3.4 **Membaca secara ekstensif** bagi **mengukuhkan kelancaran** membaca dengan menggunakan teknik bacaan yang betul;
- 3.5 **Membaca secara ekstensif** pelbagai bahan bacaan bagi **memperkaya kosa kata** dan **meluaskan serta menambah ilmu pengetahuan.**


4.0 Kemahiran Menulis

- 4.1 Menulis untuk **menerangkan maksud** kata, frasa, rangkai kata, istilah dan ungkapan dengan betul mengikut konteks dan tahap;
- 4.2 Menulis untuk **menerangkan sesuatu perkara** dengan kata, frasa, dan ayat yang betul mengikut konteks;
- 4.3 **Merumus** pelbagai bahan dengan menggunakan ayat yang gramatis;
- 4.4 **Menghasilkan sesuatu prosa** secara terancang, tertib dan kemas dengan menggunakan bahasa yang tepat dan gramatis mengikut konteks dan tahap;
- 4.5 **Mengolah maklumat** dengan kata dan frasa yang betul serta ayat yang gramatis;
- 4.6 **Mengenal pasti dan membetulkan kesalahan** ejaan, tanda baca, dan tatabahasa dalam ayat;
- 4.7 **Menguasai format dan teknik penulisan** mengikut konteks dan tahap.

➤ **Beransur maju**

Keunikan Kedua

Domain Kognitif, Psikomotor dan Afektif



Pembaharuan

Kurikulum Standard merangkumi pengetahuan, kemahiran dan nilai. SMPC berpandukan tiga domain iaitu kognitif (pengetahuan bahasa), psikomotor (kemahiran) dan afektif (nilai dan sikap pembelajaran pelajar).



Keunikan Ketiga

Buku teks yang dihasilkan bertunjangkan **sembilan literasi teras** yang menitikberatkan pembangunan modal insan, ilmu pengetahuan, kemampuan nilai dan sikap serta disepadukan dengan tiga konsep, iaitu

pembelajaran sendiri, komunikasi

dan kerjasama serta penglibatan

dalam aktiviti masyarakat

Keunikan Keempat

- Merangkumi 8 tema dan 16 unit
 - 1) Kesihatan dan kebersihan
 - 2) Literasi Bahasa dan Komunikasi
 - 3) Pengiktirafan Negara dan Kepelbagaian
 - 4) Jati Diri, Patriotisme dan Kewarganegaraan
 - 5) Sains, Teknologi dan Inovasi
 - 6) Persepektif Global dan Pelestarian Alam
 - 7) Sikap Gigih dan Nilai-nilai Positif
 - 8) Kemanusiaan

- menggabungkan kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca, dan kemahiran menulis dengan penerapan aspek sastera dan tatabahasa secara berpandu.



Keunikan Kelima

Reka bentuk berdasarkan konsep majalah.

TEMA 1

KESIHATAN DAN KEBERSIHAN

Peribahasa	Maksud
mencegah lebih baik daripada mengubati	mencegah suatu penyakit lebih baik daripada merawat penyakit tersebut setelah menghidapnya
melembut buluh biarlah dari rebungnya	mengajar anak-anak biarlah dari kecil, apabila besar, kerasiah hatinya dan tidak dapat diajar lagi

Bahan Rangsangan

Saudara dan saudara suka makan sayur-sayuran?
Kawan-kawan, sebenarnya amalan makan sayur-sayuran sangat baik.

Adakah anda tahu tentang makanan organik?

TEMA 2

LITERASI BAHASA DAN KOMUNIKASI

Peribahasa	Maksud
berkata peliharalah lidah	hendaklah beringat-ingat mengeluarkan kata-kata
bagai hujan jatuh ke pasir	teguran yang tidak dihargai

Bahan Rangsangan

Cantik tak pakaian formal saya?
Kita akan semakin cantik jika tahu berbahasa formal dan bersantun. Bahasa cerminan diri.

Bahasa juga menunjukkan identiti kita. Bahasa Jiwa Bangsa.

TEMA 3

PENGIKTIRAFAN NEGARA DAN KEPELBAGAIAN WARISAN

Peribahasa	Maksud
tak lejang dek panas, tak lapuk dek hujan genggam bara api biar sampai jadi arang	adat yang tidak berubah-ubah atau kekal jika melakukan pekerjaan yang susah, seseorang haruslah sabar sehingga mencapai kejayaan

Bahan Rangsangan

Pelajar-pelajar, lihat gambar di atas, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut.

1. Pernahkah anda bermain permainan tradisional?
2. Nyatakan jenis permainan tradisional yang terdapat pada gambar di atas.
3. Mengapakah permainan tradisional semakin tidak popular dalam kalangan generasi muda?
4. Bagaimanakah pihak ibu bapa dan pihak sekolah dapat menyuburkan seni warisan ini?

TEMA 4

JATI DIRI, PATRIOTISME, DAN KEWARGANEGARAAN

Peribahasa	Maksud
berkayuh sambil bertimba	sekali melakukan pekerjaan dua tiga maksud tercapai
rajin dan usaha tangga kejayaan	orang yang rajin berusaha pasti akan berjaya

Bahan Rangsangan

Rajin dan usaha tangga kejayaan

Ya, kejayaan mereka merupakan hasil daripada kegigihan mereka.

Saya berasa sangat bangga kepada sesiapa sahaja yang menjulang saya.

Warna, susun atur dan ilustrasinya dapat menarik minat pelajar untuk menggunakan buku teks ini dengan sepenuhnya.

TEMA 5

SAINS, TEKNOLOGI, DAN INOVASI

Peribahasa	Maksud
hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih	jika kita hendak melakukan sesuatu, kita harus menyempurnakannya dengan sedaya upaya kita dan demikian juga hal sebaiknya
hendak belajar berenang dapatkan itik, hendak belajar memanjat dapatkan tupai	sekiranya hendak mengetahui ataupun menguasai sesuatu perkara, belajarlah daripada orang yang pakar dalam perkara itu

Bahan Rangsangan

Hore! Hore! Saya dapat penemuan baharu!

Wah, hebat sungguh!



TEMA 6

PERSPEKTIF GLOBAL DAN PELESTARIAN ALAM

Peribahasa	Maksud
duduk sama rendah, berdiri sama tinggi	dua orang atau dua pihak yang sama darjatnya
sudah terhantuk baru tengadah	sesudah terkena, mendapat kesusahan barulah hendak beringat-ingat

Bahan Rangsangan



Adakah pelajar-pelajar pernah menyertai program kitar semula?

TEMA 7

SIKAP GIGIH DAN NILAI-NILAI POSITIF

Peribahasa	Maksud
kalau baik buat teladan, kalau tak baik buat sempadan	contohi sesuatu yang baik tetapi jauhan daripada sesuatu yang buruk
jika tidak dipecahkan ruyung, di mana boleh mendapat sagunya	tidak akan tercapai cita-cita dengan tidak berusaha kuat

Bahan Rangsangan

Sikap terpuji harus menjadi amalan setiap pelajar.

Sikap terpuji membentuk keperibadian mulia.



TEMA 8

KEMANUSIAAN

Peribahasa	Maksud
ada ubi ada batas, ada budi ada balas	kebaikan yang dilakukan akan dibalas dengan kebaikan
bagai anjing tersepit di pagar	seseorang dalam kesusahan meminta tolong ke sana ke mari

Bahan Rangsangan

Apakah yang sebenarnya telah berlaku dalam kehidupan anda sehinggalah anda berubah sikap?



KESIHATAN DAN KEBERSIHAN

Peribahasa	Maksud
mencegah lebih baik daripada mengubati	mencegah suatu penyakit lebih baik daripada merawat penyakit tersebut setelah menghidapnya
melentur buluh biarlah dari rebungnya	mengajar anak-anak biarlah dari kecil, apabila besar, keraslah hatinya dan tidak dapat diajar lagi

Bahan Rangsangan

Saudara dan saudari suka makan sayur-sayuran?

Kawan-kawan, sebenarnya amalan makan sayur-sayuran sangat baik.

Adakah anda tahu tentang makanan organik?

Keunikan Keenam

Halaman Rangsangan

- Memberikan gambaran tentang tema dan membantu guru memulakan pembelajaran
- soalan bercapah yang diutarakan untuk menggalakkan pelajar-pelajar bersoal jawab dengan guru dan rakan dalam bahasa Melayu untuk meningkatkan kemahiran bertutur
- disertakan dengan peribahasa dan maksudnya



1. MEMBACA DAN MEMAHAMI

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. Membaca petikan (Makanan Organik) secara mekanis dengan sebutan, intonasi dan nada yang betul serta kepantasan yang wajar;
2. Menerangkan makna perkataan, maksud ayat serta maklumat daripada petikan secara betul.



2. MENDENGAR DAN BERTUTUR

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. Menyatakan maklumat-maklumat penting daripada rakaman yang diperdengarkan untuk memberikan respons yang tepat;
2. Membentangkan hasil perbincangan sesama ahli kumpulan secara lisan berdasarkan maklumat-maklumat yang dicarikan dengan lancarnya.

Keunikan
Ketujuh
Objektif Pembelajaran

Guru dan pelajar dapat mengetahui dan memahami tujuan pengajaran dan pembelajaran yang ingin disampaikan dalam unit tersebut.





3. MENULIS

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. Menghasilkan karangan jenis gambaran secara terancang dan tertib dengan menggunakan ayat yang gramatis dan ungkapan menarik mengikut konteks dan aras keupayaan.



4. TATABAHASA

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. Menggunakan pelbagai golongan kata nama dan kata ganti nama dengan betul mengikut konteks.



5. SASTERA

Dalam bahagian ini, saya dapat:

1. Memahami jalan cerita Hikayat Jelajah ke Barat Bab 24 dengan memberikan respons peribadi dengan betul, rasional, dan penuh penghayatan mengikut aras keupayaan;
2. Mengenali pengarang (Wu Cheng En) dan hasil karya pengarang.

Objektif Pembelajaran

Berdasarkan objektif pembelajaran, guru dapat menyediakan PdP yang sesuai untuk membantu murid mencapai objektif pembelajaran.

Keunikan Kelapan

Teknologi Kod QR

Digunakan khususnya untuk memuat naik bahan bantu belajar, terutamanya bagi bahan kemahiran mendengar dan bertutur dalam bentuk audio dan video. Selain itu, Kod QR ini juga digunakan bagi menampung maklumat tambahan dalam bentuk teks dan sebagainya.

Maklumat tambahan berkaitan dengan kandungan pembelajaran.




Info Tambahan




Video


Keunikan


Kesembilan
Ikon-ikon yang menarik juga digunakan untuk menjelaskan bahagian-bahagian yang tertentu.

Bahan Rangsangan	Pelajar perlu bertutur dengan berdasarkan bahan atau soalan yang disediakan pada halaman rangsangan.	
-------------------------	--	---

Kemahiran Membaca	Kemahiran ini menguji keupayaan pelajar membaca, memahami dan menaakul pelbagai bahan.	
--------------------------	--	--



Kemahiran Mendengar dan Bertutur	Kemahiran ini menguji keupayaan pelajar mendengar dan menjawab soalan yang disediakan dalam buku aktiviti.	
---	--	---

Kemahiran Menulis	Kemahiran ini menguji keupayaan pelajar menghasilkan penulisan dan menyampaikan maklumat.	
--------------------------	---	---

**Aspek
Tatabahasa**

Aspek ini bertujuan untuk melahirkan pelajar yang dapat menguasai dan menggunakan tatabahasa yang betul dan tepat.




**Aspek
Sastera**

Aspek ini bertujuan untuk melahirkan pelajar yang berupaya mengungkapkan, memahami dan menghargai bahasa yang indah.



Keunikan Kesepuluh



Peta Pemikiran

- Dalam usaha untuk meningkatkan, membudayakan dan melatih kemahiran berfikir ke arah menghasilkan pelajar berfikiran secara kreatif, kritis dan inovatif, bahan dalam bentuk kepelbagaian peta pemikiran disediakan. Antaranya termasuklah Peta Buih Berganda, Peta Pokok, Peta Dakap, Peta Alir, Peta Pelbagai Alir dan Peta Titi.

Keunikan Kesebelas



Buku aktiviti disediakan sebagai pelengkap kepada buku teks.

Cadangan Penggunaan Buku Teks

- ✚ Buku teks ialah bahan rujukan utama kurikulum yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Bahan dalam buku teks boleh dijadikan panduan bagi mencapai Standard Pembelajaran (SP).
- ✚ Guru boleh menggunakan mana-mana bahan yang sesuai daripada buku teks tanpa terikat dengan susunan halamannya.
- ✚ Guru disarankan untuk menggunakan dan mengubah suai bahan dalam buku teks mengikut aras keupayaan pelajar.
- ✚ Akhir sekali, pihak kami amat berharap agar buku teks ini dapat dimanfaatkan oleh guru dan pelajar dengan berkesannya.



Pendapat daripada Penulis Cikgu Chong Yok Fong...

- Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Cikgu Teh Chui Lie yang menjadi tulang belakang di sebalik penghasilan buku teks Menengah Rendah Satu. Beliau seorang yang sangat bertanggungjawab, komited serta sanggup meluangkan masa dan tenaga walaupun di luar batasan masa kerja untuk melaksanakan amanah beliau. Adalah sangat jelas kepada saya bahawa Cikgu Teh sentiasa berpegang pada satu misi, iaitu memastikan penghasilan buku teks Menengah Rendah Satu menjadi kenyataan. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada barisan editor yang menjadi sebahagian daripada “ahli keluarga” yang sama-sama memikul tanggungjawab untuk merealisasikan penghasilan buku teks ini.

- Sebagai penulis, penghasilan buku teks ini bukan satu kerja yang mudah. Amanah untuk memastikan isi kandungan memenuhi Kurikulum Standard serta bersesuaian dengan tahap pelajar sentiasa dipikul pada bahu semasa memikirkan, merangka, mencari maklumat, menjanakan idea dan seterusnya melengkapkan kandungan teks ini. Sebagai salah seorang penulis, saya sangat berharap agar setiap lembaran muka surat dalam buku teks ini dapat menjadi pelita ilmu yang menyulahi anak bangsa kita.
- Saya juga berharap semoga kandungan buku teks Menengah Rendah Satu ini dapat membimbing para pelajar di Sekolah Menengah Persendirian Cina untuk menimba ilmu amnya, dan menguasai bahasa kebangsaan kita khususnya, yang akhirnya dapat memajukan diri mereka sendiri dan seterusnya membolehkan mereka memberikan sumbangan kepada keluarga, masyarakat dan negara.
- Sekian, terima kasih.

**SEKIAN
TERIMA KASIH**

